

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : Tuan Teo Kok Seong [Rasah]

TARIKH :

SOALAN : 308

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Automated Fare Collection (AFC) System di 53 stesen komuter KTMB:-

- (a) bilakah AFC baru dijangka mula berfungsi; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil terhadap syarikat Hopetech Sdn. Bhd. yang gagal menunaikan kontrak AFC bernilai 85 juta tersebut dan berapakah jumlah denda wang atau pun tindakan undang-undang yang telah dikenakan terhadap syarikat itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan sedang dalam proses untuk melantik Kontraktor Penyelamat secara tender terbuka. Pelantikan kontraktor baru dijangka akan dimuktamadkan pada penghujung tahun 2015. Jangkamasa projek ini adalah selama satu (1) tahun dan Sistem AFC ini dijangka mula berfungsi secara sepenuhnya pada penghujung tahun 2016.

Syarikat Hopetech Sdn Bhd. telah ditamatkan kontrak pada 8 April 2013 disebabkan gagal memenuhi obligasi dalam kontrak perjanjian. Setelah penamatan kontrak, Kementerian ini telah menahan wang tahanan sebanyak RM4,294,000.00 dan baki wang kerja sebanyak RM19,176,947.